

## **ASAS PERTIMBANGAN KELULUSAN LESEN PENGUSAHAAN ATAU PENYEDIAAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN OLEH PENGANGKUTAN JAUH**

### **Perkhidmatan Pengangkutan Oleh Pengangkutan Jauh.**

\* **ASAS PERTIMBANGAN YANG DINYATAKAN HANYA MERUPAKAN KRITERIA UMUM KELULUSAN LESEN YANG MERUPAKAN RUJUKAN KEPADA PERMOHONAN SEBELUM MEMOHON LESEN.**

1. Ketepatan maklumat yang dinyatakan di dalam borang permohonan (sekiranya terdapat maklumat yang dinyatakan didapati PALSU maka permohonan akan ditolak secara automatik).
2. Bebas daripada mana-mana kesalahan undang-undang berkaitan sisa pepejal, undang-undang berkaitan rasuah dan kesalahan lain yang boleh dihukum penjara (terhadapnya sahaja atau tambahan atau gantian terhadap denda) bagi tempoh lebih 2 tahun.
3. Keupayaan kewangan iaitu penyata kewangan yang telah di audit dan/atau kemudahan kredit berjumlah tidak kurang RM500,000.00.
4. Bagi jenis perniagaan pemilikan tunggal, jumlah baki simpanan individu (contohnya Tabung Haji, Simpanan Tetap dan lain-lain) atau saham-saham amanah milik individu boleh diambilkira dalam penilaian keupayaan kewangan.
5. Mempunyai bilangan pekerja yang mencukupi (perlu lampirkan lesen memandu kenderaan barang-barang Malaysia (GDL) dan lesen memandu kelas E).
7. Mempunyai kenderaan/jentera yang mencukupi (contohnya *kenderaan pemampat, lori RORO, kontena untuk lori RORO, Prime Movers* dan lain-lain).
8. Mempunyai depoh dan pelan perkhidmatan kerja termasuk sistem pengurusan aduan.
9. Mengemukakan maklumat mengenai lesen/ permit lain yang berkaitan.